



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN EKONOMI**

**MALAYSIA MENCAPAI MATLAMAT MENOKTAHKAN KEMISKINAN
TEGAR: LAPORAN SURVEI PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
ISI RUMAH (HIES) 2024**

Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan atau HIES 2024 telah diluncurkan oleh **YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Ekonomi** hari ini di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya.

HIES merupakan instrumen statistik penting untuk mengukur kemajuan dan peningkatan status sosioekonomi isi rumah di Malaysia. Melalui dapatan HIES, Kerajaan memperoleh maklumat berkaitan pendapatan, corak perbelanjaan isi rumah, status kemiskinan serta penentuan kumpulan isi rumah mengikut kategori pendapatan.

Dalam ucapannya, YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata Malaysia telah mencapai matlamat utama apabila kadar **kemiskinan tegar telah hampir dinoktahkan kepada 0.09%**. Berdasarkan amalan antarabangsa, sasaran miskin tegar tercapai apabila kadarnya adalah di dalam julat 3% dan ke bawah

Katanya lagi, "Taraf pendapatan purata bulanan isi rumah meningkat kepada RM9,155 pada tahun 2024 iaitu pertumbuhan sebanyak 3.8% berbanding tahun 2022. Laporan HIES 2024 merekodkan penurunan bagi insiden kemiskinan mutlak kepada 5.1% pada 2024, berbanding 6.2% pada 2022".

Selain itu, Pekali Gini semakin mengecil kepada 0.390 pada tahun 2024, mencerminkan jurang pendapatan semakin mengecil dan ini merupakan salah satu indikator yang positif dalam landskap sosiekonomi negara.

Laporan lengkap HIES boleh dimuat turun di portal rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ekonomi Malaysia terus mencatat perkembangan positif dengan pertumbuhan 5.1% pada tahun 2024, kadar pengangguran menurun kepada 3.2%, manakala inflasi kekal terkawal pada paras 1.8%. Jumlah perdagangan antarabangsa negara pula mencecah RM2.9 trilion, sekali gus mencerminkan daya saing Malaysia di peringkat global.

Kerajaan kekal komited memperkukuh asas ekonomi negara demi memastikan kesejahteraan rakyat serta kemakmuran yang berterusan. Kejayaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan, meningkatkan pendapatan rakyat, dan merapatkan jurang pendapatan akan terus diperkukuh melalui pelbagai inisiatif berterusan yang selaras dengan kerangka Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Usaha berterusan ini diyakini akan terus memperkukuh ekonomi komuniti di bandar dan luar bandar, seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Kerajaan percaya pencapaian ini akan terus mengukuhkan keyakinan rakyat dan pelabur terhadap daya tahan ekonomi Malaysia.

Kementerian Ekonomi

Putrajaya

8 Oktober 2025